



# **TATACARA PENYERTAAN**

**SESI *PITCHING* PEROLEHAN**

**PROGRAM TV TEMPATAN**

**(SWASTA BAHARU)**

**FASA 1 TAHUN 2024/2025**

## TATACARA PENYERTAAN

1. Pembekal **hanya dibenarkan** menyertai **sesi *pitching*** bagi tajuk kertas cadangan (*proposal*) yang telah **didaftarkan**. Pemakluman mengenai tarikh, tempat dan masa *pitching* akan di e-mel kepada pembekal.
2. Pembekal **perlu** mematuhi jadual *pitching* yang telah diberikan. Permohonan pertukaran jadual sesi *pitching* yang telah didaftarkan **tidak akan dilayan**.
3. Tempoh masa *pitching* hanya diberikan selama **10 minit** bagi setiap satu tajuk kertas cadangan (*proposal*) .
4. Pembekal digalakkan menyediakan **video proposal** berdurasi **tidak melebihi 5 (lima) minit**. Persembahan audio visual mestilah menggunakan **format** MP4, MOV atau MPG (H264/AAC).
5. Pembekal hanya dibenarkan membawa masuk **tidak lebih 3** orang iaitu Penerbit, Pengarah dan Penulis Skrip ke dalam bilik *pitching* semasa proses *pitching* dijalankan.
6. Pembekal **dilarang membawa sebarang surat sokongan daripada mana-mana pihak untuk diedarkan kepada panel *pitching*** semasa menghadiri sesi *pitching*.
7. Pembekal **tidak dibenarkan merakamkan sebarang bentuk foto (gambar), audio dan video** semasa sesi *pitching* berlangsung.
8. Pembekal boleh menyemak status keputusan perolehan melalui sistem e-TVCMS 30 hari selepas sesi *pitching* . Pembekal yang **BERJAYA** akan dihubungi Urus Setia Unit Kandungan Kreatif (UKK) RTM bagi urusan penerimaan dokumen Surat Niat.